



BULETIN BAKEMAS

5 3/2008 September 2008

I Ramadhan 1429 H

Gedebuk gedebak, akhirnya sampai juga kita ke Ramadhan 1429H, sewajibnya kita bersyukur kepada Allah SWT kerana diberi kesempatan untuk menambahkan amal ibadah bekalan di hari akhirat. Buletin BAKEMAS kali ini tampil dengan kru baru walaupun layout masih lama, pun begitu yang lebih penting adalah isi kandungannya, dibahagikan 4 segmen iaitu perutusan Yang Dipertua, Tazkirah, Peristiwa dan yang teristimewa ruangan orang dapur, semoga Allah terima ibadah puasa kalian semua.

...aburazeen.blogspot.com



"...saya menyeru diri saya dan semua anggota BAKEMAS sama-sama meningkat amal kepada Allah SWT dengan memperbanyakkan bacaan Al-quran, Zikr, mendirikan solat-solat sunat serta bersedekah .."



PERUTUSAN KHAS YANG DI PERTUA BAKEMAS SEMENA RAMADHAN ALMUBARAK

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana memberi saya peluang sekali lagi untuk bertemu dengan bulan Ramadhan yang barakah ini untuk terus mengabdikan diri kepadaNya.

Semua sedia maklum bahawa kita telah diwajibkan untuk menunaikan ibadah puasa sepanjang bulan Ramadhan ini. Kita juga tahu bahawa puasa banyak hikmatnya tetapi apa yang perlu ditekankan sepanjang menjalankan ibadah puasa ini bukan hanya sekadar menahan lapar dan dahaga serta mengelakkan diri daripada melakukan perkara yang boleh membatalkan puasa tetapi yang lebih penting niat menjalankan ibadah ini kerana kepatuhan kepada suruhan Allah SWT dan mengabdikan diri (ta'abbud) kepadanya. Kita juga perlu sabar dalam menunaikan perintah Allah SWT dan perlu juga bersabar dalam meninggalkan larangan-larangan Allah SWT.



Bulan Ramadhan adalah bulan ibadah. Jangan pula semasa menjalankan ibadah kepada Allah kita lupa menjaga hubungan sesama



saudara terutamanya terhadap rakan-rakan sekerja di dalam jabatan ini. Kita hendaklah berkerja secara bersama dan bermuafakat serta elakkan daripada perselisihan faham. Eloklah kiranya kita saling maaf bermaafan dan mengeratkan hubungan silaturrahim. Begitu juga dalam menjalankan tugas, kita perlu ikhlas dan hendaklah mempunyai sikap tolak ansur sesama kita. Taatlah kepada ketua dan hormatilah rakan-rakan setugas. Sama-samalah kita memajukan diri kerana kemajuan kita merupakan kemajuan kepada Jabatan dan lakukanlah ini semua ini untuk agama Islam yang kita cintai. Dalam mengambil kesempatan sempena bulan yang barakah ini, saya menyeru diri saya dan se-

mua anggota BAKEMAS sama-sama meningkat amal kepada Allah SWT dengan memperbanyakkan bacaan Al-quran, Zikr, mendirikan solat-solat sunat serta bersedekah di samping jangan dilupakan perkara-perkara yang fardhu. Rebutlah peluang pada 10 malam yang terakhir semoga kita mendapat malam istimewa yang telah dijanjikan oleh Allah Taala.

"تَحَرَّوْا لَيْلَةَ الْفِطْرِ فِي الْوَتْرِ مِنَ الشَّهْرِ الْأَوَّلِ مِنْ رَمَضَانَ".

Maksudnya : " carilah malam Lailatul Qadar pada malam ganjil sepuluh terakhir Ramadan " . (Bukhari)

Marilah berdo'a semoga Allah SWT memberi peluang kepada kita untuk bertemu malam Lailatul Qadar ini. Akhir kata, saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan selamat berpuasa kepada semua warga BAKEMAS. Semoga puasa kita diterima oleh Allah SWT dan semoga kita beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat. Saya juga menyeru kepada semua warga BAKEMAS untuk sama-sama melibatkan diri dalam semua program yang dianjurkan oleh pihak BAKEMAS sepanjang Ramadhan ini. Semoga usaha sedikit ini diberkati Allah SWT. Wallahu a'lam.





"Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang terdahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa."

[Al-Baqarah: 183]



"Sentiasa menjaga tutur kata, tidak hasad dengki dan gerak geri supaya tidak menyinggung perasaan mana-mana pihak. Tidak membiarkan diri berlarutan dalam perkara yang sia-sia"



SAMBUK RAMADAN DENGAN PENUH KESYUKURAN


Sebagai seorang Muslim kita semestinya merasa gembira dan bersyukur dengan kedatangan bulan Ramadhan al-Mubarak dan sama-sama bertekad menghayatinya dengan penuh keinsafan dan ke-sungguhan. Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 183 yang berbunyi:

Maksudnya : " Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang terdahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa."

Marilah sama-sama kita menyambut kedatangan bulan Ramadhan dengan penuh rasa kecintaan dan kerinduan. Kita perlu membuat persediaan dan persiapan samaada dari segi jasmani dan rohani supaya Ramadhan yang disambut itu benar-benar dapat dihayati dan segala kelebihannya dapat diperolehi. Sebagai seorang Islam kita seharusnya merebut dan mendapatkan segala peluang keemasan dan keistimewaan yang terkandung dalam Bulan Ramadhan. Bulan Ramadulan telah telah menjanjikan tawaran pahala yang berlipat kali ganda dari setiap amalan yang dilakukan dan segala dosa dan kesalahan akan diampunkan oleh Allah SWT. Sabda Rasulullah S.A.W.:

"عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا
عَنِ النَّبِيِّ (ص) أَنَّهُ قَالَ: مَنْ فَرِحَ
بِدُخُولِ رَمَضَانَ حَرَّمَ اللَّهُ جَسَدَهُ عَلَى
النَّيِّرَانِ."

Maksudnya : "Barang siap merasa gembira dengan sebab kedatangan bulan Ramadhan nescaya Allah Taala mengharamkan jasadnya daripada api neraka". (Ahmad)



Kedatangan bulan Ramadhan amat ditakuti oleh syaitan kerana pada bulan ini Allah tidak membenarkannya untuk menghasut dan menggoda manusia melakukan kejahatan dan maksiat. Pada bulan ini syaitan akan dirantai dan dibelenggu. Dalam hal ini Rasulullah S.A.W. menjelaskan dalam hadis baginda:

"عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ
قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ: إِذَا دَخَلَ شَهْرُ رَمَضَانَ فَتَحَّتْ
أَبْوَابُ الرَّحْمَةِ وَغُلِقَتْ أَبْوَابُ جَهَنَّمَ
وَسَلَّسِلَتِ الشَّيَاطِينُ."

Maksudnya : "Daripada Abu Hurairah R.A. bahawa Rasulullah S.A.W. telah bersabda apabila telah tiba bulan Ramadhan, maka terbukalah semua pintu rahmat dan ditutup semua

pintu neraka serta tangan-tangan syaitan dirantai".

(Ahmad)

Bersama-samalah kita menyambut kedatangan bulan Ramadhan dengan mempersiapkan diri dari segi rohani dan jasmani dengan melaksanakan perkara-perkara berikut:

Banyakkan membaca Al-Quran dan memahami maksudnya. Mengerjakan sembahyang fardhu dan bertarawih secara berjamaah di masjid atau di surau. Bersedekah dan mengadakan jamuan berbuka puasa khususnya kepada sahabat, jiran tetangga dan fakir miskin. Beriktikaf di dalam masjid dan bertadarus.

Mengelakkan diri dari berbual-bual kosong dengan mengisi masa dengan kerja-kerja berfaedah seperti mendalami pengetahuan mengenai fardhu ain dan fardhu kifayah. Sentiasa menjaga tutur kata, tidak hasad dengki dan gerak geri supaya tidak menyinggung perasaan mana-mana pihak. Tidak membiarkan diri kita berlarutan dalam perkara-perkara yang sia-sia termasuklah tingkah laku dan perbuatan yang tidak berfaedah. Hati kita hendaklah sentiasa ingat kepada Allah s.w.t. Semoga kita menjadi Ramadhan kali ini akan medan menguji iman dan ketakwaan kita. Wallahualam.

PERANG BADAR DALAM RAMADHAN



“Kota Badar telah menjadi saksi semangat juang tentera Islam. Ramadhan bagi mereka bukan alasan untu lemah! Untuk Malas! Mereka kecil tapi mereka kuat!..”



“Dan Sesungguhnya Allah telah menolong kamu mencapai kemenangan dalam peperangan Badar, sedang kamu berkeadaan lemah (kerana kamu sedikit bilangannya....”
[Alee-Imran:123]



Kota Badar, awal pagi 17 Ramadhan, 2 Hijrah. Tarikh keramat kemenangan besar kaum Muslimim ke atas kaum Musyrikin di dalam peperangan pertama dalam sejarah Islam. Peperangan Badar. Peristiwa agong ini telah diabadikan di dalam Al-Quran di dalam Surah Al-Anfal ayat 17 dan 45. Semuanya bermula setelah Rasulullah (s.a.w.) menerima berita mengenai satu kabilah yang menuju kepada kaum Quraisy yang dipimpin oleh Abu Sufyan, salah seorang bangsawan Quraisy yang amat memusuhi umat Islam, Rasulullah (s.a.w.) memutuskan untuk merampas kabilah ini dan memberi ganti rugi kepada umat Islam atas harta benda mereka yang dirampas apabila mereka meninggalkan Mekah.

Abu Sufyan mendapat berita mengenai niat Rasulullah (s.a.w.) dan ini amat membimbangkannya. Abu Sufyan bergegas menghantar berita kepada kaum Quraisy, merayu bantuan mereka dan meminta mereka bertindak dengan segera. Rasulullah (s.a.w.) menerima khabar mengenai tentera Quraisy, bilangan mereka dan senjata mereka. Pengikut-pengikutnya telah keluar bersamanya untuk urusan yang lebih kecil dan tidak bersedia untuk berperang. Atas sebab ini, Rasulullah (s.a.w.) mengumpulkan mereka dan memaklumkan mereka mengenai tentera Quraisy. Tentera Rasulullah terdiri daripada 313 askar,

dua ekor kuda dan tujuh puluh ekor unta. Manakala tentera Quraisy adalah seramai 1000 orang. Jumlah yang kecil tidak melenyapkan semangat tentera Islam. Mereka berjuang ber-sungguh-sungguh. Tekad. Redha. Mereka bertasbih tidak putus-putus memohon pertolongan Allah. Allah Penyelamat. Allah Pelindung. Allah Maha Mendengar. Firman Allah bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! apabila kamu bertemu Dengan sesuatu pasukan (musuh) maka hendaklah kamu tetap teguh menghadapinya, dan sebutlah serta ingatilah Allah (dengan doa) banyak-banyak, supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan)” [al-Anfal: 45] *“Maka bukanlah kamu yang membunuh mereka, akan tetapi Allah jualah yang menyebabkan pembunuhan mereka. Dan bukanlah Engkau (Wahai Muhammad) yang melempar ketika engkau melempar, akan tetapi Allah jualah yang melempar (untuk membinasakan orang-orang kafir), dan untuk mengurniakan orang-orang yang beriman dengan pengurniaan yang baik (kemenangan) daripadanya. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui”* [al-Anfal: 17]

Akhirnya tentera yang kecil itu menang besar mengalahkan kaum

Quraisy. Tujuh puluh askar Quraisy terbunuh dan tujuh puluh lagi ditawan. Di pihak umat Islam, hanya enam orang Muhajirin dan lapan orang Ansar terbunuh. Benarlah Firman Allah yang bermaksud:



“Dan Sesungguhnya Allah telah menolong kamu mencapai kemenangan dalam peperangan Badar, sedang kamu berkeadaan lemah (kerana kamu sedikit bilangannya dan kekurangan alat perang). oleh itu bertaqwalah kamu kepada Allah, supaya kamu bersyukur (akan kemenangan itu)” [Al-Imran:123] Kota Badar telah menjadi saksi semangat juang tentera Islam. Ramadhan bagi mereka bukan alasan untu lemah! Untuk Malas! Mereka kecil tapi mereka kuat! Ramadhanlah sumber kekuatan rohani dan jasmani mereka. Molek sungguh kiranya semangat Badar ini diteladani oleh umat Islam sempena Ramadhan yang mulia ini. Kisah agung ini akan sering diingati setiap kali datang Ramadhan. Ia sejarah. Sejarah kita.

Ramadhan

RENDANG PEDAS IKAN PARI



Bahan-bahan (3-4 orang)

- 1 kg ikan pari - dipotong2 (boleh juga guna ikan kayu @ ikan tongkol)
- 10 biji cili kering (*)
- 2 inci halia (*)
- 3 batang serai - dihiris (*)
- 5 ulas bawang merah - dihiris
- 1 liter santan - kurangkan jika terlalu banyak
- 2 keping asam keping / asam gelugor
- 1 helai daun kunyit bersaiz sederhana - dihiris halus2
- 2 cawan kelapa parut
- Garam dan serbuk perasa secukupnya
- Sedikit serbuk kunyit

Cara-cara

1. Kisar bahan2 bertanda (*) hingga halus. Kemudian masukkan kelapa parut dan kisar lagi tetapi jangan sampai hancur. Tambah air jika perlu atau boleh gunakan santan.
2. Masukkan bawang merah yang telah dihiris, bahan2 yang telah dikisar halus, serbuk kunyit dan juga santan ke dalam kuah.
3. Masak di atas api yang sederhana hingga mendidih dan kuahnya berkurangan sedikit.
4. Kemudian masukkan ikan pari dan asam keping. Masukkan juga garam dan perasa secukupnya.
5. Masak sehingga kering tetapi jangan dikacau terlalu kuat kerana ikan akan hancur.
6. Taburkan hirisan daun kunyit dan kacau sehingga rata.
7. *** Tujuan tunggu hingga kuah berkurangan dan baru dimasukkan ikan ialah supaya ikan tidak dimasak terlalu lama di dalam kuah. Ini akan membuatkan ikan hancur.

JUS APPLE HIJAU KASTURI DAN ASAM BOY



Bahan-bahan (3 orang)

- 5 biji apple hijau
- 9 biji asam boy
- Gula
- Ais batu
- Air masak
- 6 biji limau kasturi

Cara-cara

1. Potong apple hijau dan buang bijinya.
2. Blend bersama air dan gula
3. Kemudian masukkan ke dalam jug.
4. Tuang jus tadi ke dalam gelas perahkan limau kasturi 2 biji
5. dan masukkan 3 biji asam boy dan ais.
6. Anda boleh tambah gula ikut rasa selera anda.

WAFFLE SIMPLE



Bahan-bahan (3 set x 5 keping)

- 2 biji Telur
- 3/4 cwn Susu segar
- 2 tbsp Minyak sayur
- 1 cwn Tepung
- 1 1/2 tsp Baking powder
- 1 1/2 tsp Gula
- 1/2 tsp Garam

Cara-cara

1. Panaskan electric waffle maker.
2. Pukul telur sehingga berbuih sedikit. Campurkan susu & kesemua bahan2 lain. Campurkan sehingga sebati.
3. Tuangkan ke dlm waffle maker & tutup sehingga masak (waffle maker ada mcm2 brand, jadi ikut arahan memasak spt tertera dlm manual waffle maker anda). Tips - jgn tuang adunan terlalu sedikit nanti tak nampak pattern ataupun jika terlalu byk adunan, ia akan melempah & bentuk pun kurang menarik.
4. Hidangkan dgn topping kegemaran anda seperti madu, maple syrup, icrecream atau jem.